

Majlis Silat lulus usul sokong PM 3

ALOR STAR, Selasa —
Majlis Silat Negeri Kedah meluluskan usul berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Haji Osman Aroff.

Yang Dipertua majlis itu, Tunku Mansor Tunku Kassim, berkata wakil-wakil 14 pertubuhan silat seluruh Kedah yang bergabung dalam majlis itu mengambil keputusan itu dalam mesyuarat agungnya di sini Ahad lalu.

Usul itu menyatakan bahawa semua ahli seni silat di Kedah menyokong penuh sebarang tindakan kerajaan terhadap musuh-musuh negara.

Semua ahli seni silat juga bersedia mengorbankan tenaga demi perpaduan dan mempertahankan negara, agama dan budaya bangsa Melayu khasnya.

Majlis itu ditubuhkan pada 1983 dengan tujuan menyatukan semua pertubuhan silat negeri ini.

Menurut Tunku Mansor, Kedah mempunyai 33 pertubuhan silat dan 15 daripadanya adalah persatuan gabungan.

Antara pertubuhan silat itu ialah Seni Silat Geruda, Gayung Malaysia dan Kuntau/Jawa Tomoi.